



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN PERTUKARAN  
PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN  
DI SEKOLAH DAN KOLEJ VOKASIONAL  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

## KANDUNGAN

1.	Latar Belakang	3
2.	Tafsiran	3
3.	Objektif	5
4.	Prinsip Asas Pertukaran	5
5.	Pertukaran Atas Permohonan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan	6
6.	Tatacara Pertukaran Atas Permohonan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan	7
7.	Peranan dan Tanggungjawab	10
8.	Pertukaran Yang Dilarang	11
9.	Permohonan Pertukaran Yang Tidak Dibenarkan	12
10.	Penangguhan Pertukaran	12
11.	Pembatalan	13
12.	Penguatkuasaan Semua Peraturan, Pekeliling Perkhidmatan dan Garis Panduan	13
13.	Penutup	14

## LATAR BELAKANG

1. Garis Panduan Permohonan Pertukaran Pegawai Perkhidmatan Pendidikan di Sekolah dan Kolej Vokasional Kementerian Pendidikan Malaysia ini disediakan sebagai rujukan kepada Pengetua/Guru Besar dan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) yang berkhidmat di sekolah dan kolej vokasional di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).
2. Garis panduan ini adalah untuk memastikan urusan pertukaran PPP dapat dilaksanakan dengan lebih teratur dan berkesan melalui Modul e-GTukar.
3. Permohonan pertukaran oleh PPP melalui Modul e-GTukar telah mula dilaksanakan pada tahun 2008. Modul e-GTukar ini sentiasa ditambah baik berdasarkan kepada keperluan dan kepentingan semasa.

## TAFSIRAN

4. Dalam garis panduan ini:

**Ketua Jabatan** bermaksud:

- (i) Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia;
- (ii) Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia (Sektor Operasi Sekolah);
- (iii) Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah Harian/Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh/Pengarah Bahagian Pendidikan Khas/Pengarah Bahagian Pendidikan Islam/Pengarah Bahagian Pendidikan & Latihan Teknikal Vokasional/Pengarah Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian;
- (iv) Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri; dan
- (v) Pegawai Pendidikan Daerah,  
mengikut mana-mana yang berkenaan.

**PPP** bermaksud Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang dilantik secara tetap dalam skim Pegawai Perkhidmatan Pendidikan.

**Jawatankuasa Pertukaran (JKP)** bermaksud jawatankuasa yang memberi pertimbangan dan meluluskan urusan pertukaran pegawai.

**Pertukaran** bermaksud pertukaran PPP di sekolah atau kolej vokasional yang diluluskan oleh JKP ke suatu jawatan dalam perkhidmatan, skim perkhidmatan dan gred yang sama. Urusan ini tidak termasuk penempatan seseorang pegawai yang baru dilantik, memangku, dinaikkan pangkat, ditukar sementara ataupun dipinjamkan.

- (i) **Pertukaran Antara Negeri** bermaksud proses pertukaran PPP yang melibatkan permohonan dan kelulusan bagi semua aliran sekolah dan kolej vokasional di bawah bahagian masing-masing.
- (ii) **Pertukaran Antara Daerah** bermaksud proses pelaksanaan pertukaran PPP yang melibatkan permohonan dan kelulusan di antara sekolah-sekolah di bawah pentadbiran Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dalam Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) masing-masing.
- (iii) **Pertukaran Dalam Daerah** bermaksud proses pelaksanaan pertukaran PPP yang melibatkan permohonan dan kelulusan di antara sekolah-sekolah dalam pentadbiran Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) masing-masing.

**Penempatan** bermaksud proses menempatkan PPP yang bertukar bagi mengisi kekosongan jawatan di sekolah atau kolej vokasional di bawah KPM.

**Cuti Tanpa Gaji** adalah sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perintah Am Bab C (1974).

**Cuti belajar/kursus dan dalam latihan** adalah sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perintah Am Bab C (1974).

## OBJEKTIF

5. Garis panduan ini dilaksanakan untuk:
- (i) memberi kemudahan kepada PPP dalam urusan pertukaran;
  - (ii) memberi peluang kepada PPP untuk berkhidmat di negeri atau daerah yang dimohon; dan
  - (iii) memelihara etika PPP dalam urusan pertukaran.

## PRINSIP ASAS PERTUKARAN

6. Bagi tujuan pertimbangan kelulusan permohonan pertukaran PPP, tiga (3) prinsip asas yang perlu dipenuhi adalah seperti berikut:

(i) **Kekosongan Jawatan**

Kelulusan permohonan pertukaran adalah tertakluk kepada kekosongan jawatan di negeri atau daerah yang dimohon.

(ii) **Keperluan Opsyen**

Kelulusan permohonan pertukaran adalah tertakluk kepada keperluan opsyen di negeri atau daerah yang dimohon.

(iii) **Kepentingan dan Keperluan Perkhidmatan**

Kelulusan permohonan pertukaran adalah mengambil kira kepakaran dan keperluan di sekolah atau kolej vokasional, khususnya bagi PPP yang mengajar mata pelajaran khusus atau mata pelajaran yang memerlukan kelayakan khas.

## **PERTUKARAN ATAS PERMOHONAN PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN**

7. Permohonan pertukaran boleh dibuat berdasarkan kategori berikut:

### **Kategori 1: Kesihatan**

PPP/suami/isteri/anak menghidap penyakit yang memerlukan rawatan perubatan berterusan dan bergantung kepada ubat-ubatan. Permohonan pertukaran perlu disokong dengan laporan perubatan dan disahkan oleh pakar perubatan hospital Kerajaan. Tempoh sah laporan perubatan tersebut adalah tidak melebihi dua (2) tahun dari tarikh laporan perubatan dikeluarkan.

### **Kategori 2: Keselamatan**

PPP/suami/isteri/anak menerima ancaman keselamatan. Permohonan pertukaran perlu disokong dengan laporan polis dan Pemberitahuan Penyiasatan Kes Polis Diraja Malaysia. Tempoh sah laporan tersebut adalah tidak melebihi satu (1) tahun dari tarikh Pemberitahuan Penyiasatan Kes dikeluarkan.

### **Kategori 3: Pasangan Suami/Isteri Berjauhan**

PPP yang tinggal berjauhan dengan suami/isteri:

- (i) Permohonan pertukaran untuk mengikut suami/isteri atas arahan perkhidmatan perlu disokong dengan surat rasmi Arahan Pertukaran daripada majikan suami/isteri.
- (ii) Permohonan pertukaran untuk mengikut suami/isteri di negeri atau daerah yang dimohon perlu disokong dengan dokumen sokongan keberadaan suami/isteri di negeri atau daerah yang dimohon.

#### **Kategori 4: Lain-Lain**

PPP boleh memohon pertukaran di bawah kategori ini sekiranya permohonan PPP tidak tergolong dalam kes permohonan kategori 1 hingga 3. Sebagai contoh, permohonan pertukaran secara bersama oleh PPP dan suami/isteri yang tinggal bersama atau tinggal berasingan ke negeri atau daerah yang dimohon.

### **TATACARA PERTUKARAN ATAS PERMOHONAN PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN**

8. Pertukaran atas permohonan PPP dilaksanakan berdasar tatacara berikut:

#### **Ketetapan Umum**

- (i) Semua permohonan pertukaran perlu dibuat secara dalam talian melalui Modul e-GTukar.
- (ii) Permohonan pertukaran dibuka sepanjang tahun.
- (iii) Tempoh sah permohonan adalah satu (1) tahun dari tarikh permohonan.
- (iv) Pertukaran PPP yang menyandang jawatan Pengetua/Guru Besar, Penolong Kanan, Guru Kanan Mata Pelajaran, Guru Tingkatan 6 di sekolah atau kolej vokasional dilaksanakan sepanjang tahun.
- (v) Pertukaran PPP kecuali seperti yang dinyatakan di para (iv) di sekolah atau kolej vokasional dilaksanakan mengikut sesi penggal persekolahan.
- (vi) Maklumat permohonan pertukaran PPP perlu disahkan oleh Pengetua/Guru Besar dalam Modul e-GTukar.
- (vii) Maklumat permohonan pertukaran Pengetua/Guru Besar perlu disahkan oleh Ketua Jabatan dalam Modul e-GTukar.

## **Pertukaran Antara Negeri**

Permohonan pertukaran antara negeri melibatkan ketetapan berikut:

- (i) Bagi permohonan pertukaran ke negeri di Semenanjung, PPP hendaklah memilih tiga (3) negeri. PPP juga perlu memilih satu (1) PPD bagi setiap negeri yang dimohon, kecuali permohonan pertukaran ke Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Perlis.
- (ii) Bagi permohonan pertukaran ke Sabah dan Sarawak, PPP hendaklah memilih tiga (3) PPD di negeri yang dimohon, kecuali permohonan pertukaran ke Wilayah Persekutuan Labuan.
- (iii) Semua permohonan pertukaran antara negeri dipertimbang dan diluluskan oleh JKP di peringkat KPM.
- (iv) Keutamaan pertimbangan kelulusan pertukaran adalah kepada PPP yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya lima (5) tahun di negeri semasa bagi negeri-negeri di Semenanjung ATAU sekurang-kurangnya tiga (3) tahun di negeri semasa bagi Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.
- (v) Sekiranya tiada kekosongan jawatan dan keperluan opsyen bagi permohonan pertukaran PPP ke negeri yang dimohon, JKP boleh mempertimbangkan pertukaran ke negeri pilihan kedua atau ketiga.
- (vi) Sekiranya tiada kekosongan jawatan dan keperluan opsyen bagi permohonan pertukaran PPP ke negeri suami/isteri yang juga PPP, maka pertimbangan pertukaran dibuat seperti berikut:
  - (a) suami/isteri boleh ditawarkan ke negeri PPP bertugas.
  - (b) PPP dan suami/isteri ditawarkan ke negeri pilihan ketiga.
  - (c) PPP ditawarkan ke negeri pilihan lain yang berhampiran dengan negeri suami/isteri.



- (vii) Bagi permohonan bersama, JKP boleh mempertimbangkan kelulusan pertukaran berdasarkan kekosongan jawatan dan keperluan opsyen bagi mana-mana tiga (3) negeri pilihan.

### **Pertukaran Antara Daerah**

- (i) Bagi pertukaran antara daerah, PPP hendaklah memilih tiga (3) PPD dalam negeri yang PPP sedang berkhidmat. PPP juga perlu memilih satu (1) sekolah atau kolej vokasional bagi setiap PPD.
- (ii) Sekiranya tiada kekosongan jawatan dan keperluan opsyen bagi permohonan pertukaran PPP ke PPD yang dimohon, JKP boleh mempertimbangkan ke PPD pilihan kedua atau ketiga.
- (iii) Permohonan pertukaran dipertimbang dan diluluskan oleh JKP di peringkat JPN.

### **Pertukaran Dalam Daerah**

- (i) Bagi pertukaran dalam daerah, PPP hendaklah memilih tiga (3) sekolah atau kolej vokasional dalam PPD yang PPP sedang berkhidmat.
- (ii) Sekiranya tiada kekosongan jawatan dan keperluan opsyen bagi permohonan pertukaran PPP ke sekolah atau kolej vokasional yang dimohon, JKP boleh mempertimbangkan ke sekolah atau kolej vokasional pilihan kedua atau ketiga.
- (iii) Permohonan pertukaran dipertimbang dan diluluskan oleh JKP di peringkat PPD.

## **PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB**

9. Peranan dan tanggungjawab PPP, Pengetua/Guru Besar dan JKP adalah seperti berikut:

### **Pegawai Perkhidmatan Pendidikan**

- (i) Mengisi borang permohonan pertukaran secara dalam talian melalui Modul e-GTukar.
- (ii) Memaklum dan mengemukakan borang permohonan bersama dokumen sokongan kepada Pengetua/Guru Besar untuk pengesahan. PPP boleh dikenakan tindakan tatatertib jika didapati maklumat yang dikemukakan adalah palsu.
- (iii) Menyemak keputusan kelulusan pertukaran dan penempatan ke sekolah atau kolej vokasional secara dalam talian melalui Modul e-GTukar. Keputusan adalah muktamad dan tiada sebarang urusan rayuan dibenarkan.
- (iv) Memproses permohonan PPP sedia ada pada sesi berikutnya (dalam tempoh sah permohonan) oleh JKP bagi permohonan PPP yang tidak dipertimbangkan untuk pertukaran. PPP tidak perlu membuat permohonan baharu.
- (v) Melapor diri kepada Pengetua/Guru Besar di sekolah atau kolej vokasional yang baharu bagi permohonan yang diluluskan mengikut tarikh kuat kuasa pertukaran.
- (vi) Mematuhi arahan pertukaran yang dikeluarkan. Mana-mana PPP yang ingkar akan diberi nasihat dan dimaklumkan implikasi keingkaran mematuhi arahan termasuklah boleh dikenakan tindakan tatatertib.
- (vii) Membatalkan permohonan semasa dan seterusnya mengemukakan permohonan baharu jika ada sebarang pindaan ke atas kategori pertukaran.

### **Pengetua/Guru Besar**

- (i) Membuat semakan dan pengesahan borang permohonan pertukaran dan dokumen sokongan yang dilampirkan oleh PPP.
- (ii) Membuat ulasan dan pengesahan kepada permohonan pertukaran secara dalam talian melalui Modul e-GTukar. Pengetua/Guru Besar boleh dikenakan tindakan tatatertib jika didapati maklumat yang disahkan adalah palsu.
- (iii) Membuat pengesahan status melapor diri PPP yang bertukar masuk ke sekolah atau kolej vokasional tersebut melalui Modul Pengurusan Guru e-OPERASI dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh kuat kuasa pertukaran.
- (iv) Membuat laporan secara bertulis kepada pihak JPN/PPD sekiranya terdapat PPP yang tidak melapor diri dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh kuat kuasa pertukaran.

### **Jawatankuasa Pertukaran**

Permohonan pertukaran dipertimbang dan diluluskan oleh JKP seperti berikut:

- (i) JKP peringkat KPM bagi Pertukaran Antara Negeri.
- (ii) JKP peringkat negeri bagi Pertukaran Antara Daerah.
- (iii) JKP peringkat daerah bagi Pertukaran Dalam Daerah.

### **PERTUKARAN YANG DILARANG**

10. PPP yang berprestasi rendah atau yang mempunyai masalah tatatertib tidak boleh ditukar sehingga masalah tersebut diselesaikan, kecuali pertukaran itu merupakan sebahagian daripada langkah pemulihan atau proses tindakan tatatertib ke atas pegawai berkenaan. Tindakan ini merujuk kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2004 - Panduan Pertukaran Pegawai Awam, Perkara 11, Pertukaran Yang Dilarang.

## **PERMOHONAN PERTUKARAN YANG TIDAK DIBENARKAN**

11. PPP yang tidak dibenarkan memohon pertukaran adalah seperti berikut:
- (i) PPP yang sedang bercuti tanpa gaji bagi tempoh melebihi 365 hari;
  - (ii) PPP yang dalam cuti belajar/kursus dan dalam latihan;
  - (iii) PPP yang belum disahkan dalam perkhidmatan;
  - (iv) PPP yang berkhidmat kurang tiga (3) tahun di negeri terakhir kecuali bagi Kategori 1, Kategori 2 dan Kategori 3; dan
  - (v) Pengetua/Guru Besar/Pengetua Cemerlang/Guru Besar Cemerlang yang sedang dalam tempoh pemangkuan jawatan tersebut.
12. Guru lantikan kontrak (*Contract of Service*) dan Guru Interim tidak dibenarkan memohon pertukaran.

## **PENANGGUHAN PERTUKARAN**

13. PPP boleh dipertimbangkan penangguhan mula bertugas setelah diluluskan pertukaran dengan mengambil tindakan berikut:
- (i) PPP hendaklah melapor diri kepada Pengetua/Guru Besar di sekolah atau kolej vokasional tempat bertugas yang baharu terlebih dahulu dan seterusnya membuat permohonan penangguhan mula bertugas.
  - (ii) PPP akan diberi pertimbangan ke atas permohonan penangguhan mula bertugas tidak lebih tujuh (7) hari daripada tarikh kuat kuasa arahan pertukaran oleh Pengetua/Guru Besar sekolah atau kolej vokasional tempat bertugas yang baharu.
  - (iii) PPP yang diluluskan penangguhan mula bertugas berdasarkan perkara (i) dan (ii) hendaklah berkhidmat di sekolah atau kolej vokasional asal, tertakluk kepada kelulusan penangguhan.

## **PEMBATALAN**

14. PPP boleh membatalkan permohonan berdasarkan situasi yang berikut:
- (i) Pengetua/Guru Besar belum membuat pengesahan permohonan melalui Modul e-GTukar.
  - (ii) sekiranya Pengetua/Guru Besar telah membuat pengesahan permohonan melalui Modul e-GTukar, PPP perlu mengemukakan surat permohonan pembatalan pertukaran kepada JPN yang berkenaan.
15. PPP tidak boleh memohon pembatalan Arahan Pertukaran. Arahan Pertukaran adalah muktamad.

## **PENGUATKUASAAN SEMUA PERATURAN, PEKELILING PERKHIDMATAN DAN GARIS PANDUAN**

16. Garis panduan ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan:
- (i) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [PU.(A).395/1993];
  - (ii) Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 2004 Panduan Pertukaran Pegawai Awam bertarikh 26 April 2014; dan
  - (iii) Garis Panduan Tindakan Ke Atas Sokongan Yang Diterima Daripada Pemimpin Kerajaan, Individu Berpengaruh Atau Mana-mana Orang Mengenai Sesuatu Urusan Kerajaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri, Malaysia bertarikh 8 Mac 2010.

## **PENUTUP**

17. Garis Panduan Permohonan Pertukaran Pegawai Perkhidmatan Pendidikan di sekolah dan kolej vokasional di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia ini adalah untuk rujukan dan panduan kepada semua Pengetua/Guru Besar dan PPP di sekolah dan kolej vokasional di bawah KPM supaya urusan pertukaran PPP dapat dilaksanakan dengan lebih teratur dan berkesan.